

05 FEB, 2025

## 85 peratus pengguna tidak akan terbabit kenaikan tarif elektrik

Berita Harian, Malaysia



# 85 peratus pengguna tidak akan terbabit kenaikan tarif elektrik

Pelaksanaan hanya kepada industri mengikut kaedah ICPT mulai Julai

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kadar kenaikan tarif elektrik hanya akan membabitkan industri, yang akan berlaku mengikut kaedah Ketidakeimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT) mulai Julai depan.

Pada masa sama, kata Perdana Menteri, 85 peratus pengguna lain tidak akan terbabit dengan kenaikan itu.

Menjawab soalan tambahan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang), Perdana Menteri berkata, perkara itu sudah dinyatakan secara jelas yang mana kenaikan itu tidak akan membabitkan 85 peratus rakyat.

Beliau berkata, kadar kenaikan yang dinyatakan beliau da-

lam satu majlis kelmarin adalah maklum balas kepada ucapan Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Datuk Ng Yih Pyng berhubung kenaikan tarif elektrik dalam industri.

"Saya beri maklum balas kepada permohonan beliau. Faham tak? Bukan kepada negara, bukan kepada rakyat.

"Saya kata, kenaikan itu pun tidak sampai 14 peratus seperti diumumkan, maknanya saya respon kepada industri kerana kenaikan tarif ini kepada industri dan golongan mahakaya. Kita pertahankan ini, apa dia?"

"Kalau tidak cukup pada orang kaya, nak tambah peruntukan untuk sekolah, hospital, dari mana wangnya?"

"Jadi kita kena terima kenyataan, kenaikan tarif (elektrik) yang mumasabah bagi industri dan golongan kaya dan saya kata, kita tidak tolak ansur dan terpaksa naikkan tetapi tidak membabitkan 85 peratus rakyat.

"Dengar betul-betul. Ini dengar dengan sentimen marah. Ini penyakit marah, bukan penyakit fakta ekonomi," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Wan Ahmad Fayhsal sebelum itu mempersoalkan tindakan ke-



Anwar pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

rajaan, yang didakwa bersikap *flip flop* dalam isu kenaikan tarif elektrik, yang didakwa boleh membawa ketidakyakinan kepada pasaran.

### Isi rumah tak terkesan

Kelmarin, Perdana Menteri pada ucapan pada majlis itu memberi jaminan bahawa sebarang kenaikan tarif elektrik pada separuh kedua tahun ini, tidak akan

membebankan atau merugikan komuniti perniagaan.

Pejabat Perdana Menteri, dalam satu kenyataan kemudian berkata, Perdana Menteri turut menegaskan bahawa isi rumah berpendapatan rendah akan terus tidak terjejas oleh semakan tarif berkenaan.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, pertumbuhan ekonomi negara ketika ini jauh me-

ningkat dan meyakinkan, berbanding ketika Perikatan Nasional (PN) mentadbir.

"Ikut fakta dan data, ekonomi bukan wayang. Faktanya ringgit masih mengukuh walaupun keadaan geopolitik tidak menentu dan tarif dikenakan kepada negara lain.

"Itu faktanya, autanya lain, maknanya kita harus bezakan," katanya.